

Newspaper	Berita Harian
Date	22/3/2013

Penggganas wanita ditahan

BH - 22/3/2013

» Pasukan keselamatan percaya musuh makin lemah, tak mampu bertempur

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bharian.com.my

► Lahad Datu

Penggganas wanita yang ditahan ketika pertempuran dengan pasukan keselamatan di Kampung Tanjung Batu dekat sini, kelmarin, ditemui dalam keadaan lemah dipercayai terputus bekalan makanan sejak dua minggu lalu.

Wanita berusia 40-an itu ju-

ga mengaku tidak mempunyai tenaga lagi untuk bertempur dan hanya bersembunyi dalam paya sambil mendengar pergerakan pasukan keselamatan.

Sumber pasukan keselamatan berkata, pengakuan itu dibuat suspek ketika disoal siasat sejurus ditahan selepas pertempuran yang turut menyaksikan seorang penggganas lelaki ditembak mati, manakala seorang anggota tentera dari pasukan Grup Gerak Khas (GGK) cedera terkena serpihan peluru di pergelangan tangan kiri.

Buang air dalam paya

“Ketika disoal siasat, penggganas wanita itu sangat lemah hingga hendak bercakap pun tiada upaya. Dia juga mengaku dapat bertahan dengan minum air paya selain membuang air dalam paya berkenaan.

“Kita percaya semua saki baki penggganas lain juga berkeadaan sama serta tidak lagi mem-

punyai tenaga untuk melawan pasukan keselamatan,” katanya kepada BH di sini, semalam.

Sementara itu, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Seri Zulkifeli Mohd Zin, berkata anggota tentera yang cedera dilaporkan stabil dan pembedahan mengeluarkan serpihan peluru selesai dijalankan.

Katanya, susulan pertempuran antara jam 11 pagi hingga 1.30 tengah hari itu, pasukan keselamatan mempergiatkan lagi usaha mengegedah Kampung Tanjung Batu.

“Seorang penggganas ditembak mati jam 1.10 petang dan tidak lama selepas itu, seorang penggganas wanita berusia 40-an yang berada tidak jauh dari lokasi kejadian ditahan, namun tiada senjata dirampas.

“Susulan kejadian terbaru itu, angka kematian penggganas meningkat kepada 63 orang,” katanya di sini, semalam.

Ditembak mati

Zulkifeli berkata, suspek yang ditembak mati dan ditahan kelmarin, dikesan berada di Kampung Tanduo sebelum melarikan diri ke Kampung Tanjung Batu berikutan kawasan terbabit sudah dikepung.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, mayat

penggganas yang mati ditembak serta wanita yang ditahan itu ditemui dalam keadaan fizikal badan yang kurus dipercayai terputus bekalan makanan sejak berbelas hari lalu.

